



UTUSAN MALAYSIA  
23/8/2017 p-34

## Tiga emas ceriakan gimnastik

### ■ KUALA LUMPUR 22 OGOS

**S**KUAD gimnastik artistik individu negara berjaya meraih tiga emas, dua perak serta satu pingat gangsa dalam lima disiplin yang dipertandingkan di MITEC hari ini.

Dua emas disumbangkan dalam disiplin kekuda berpelana lelaki;

melombol wanita (satu emas); palang bertingkat dan senaman lantai (dua perak); serta satu gangsa bagi acara melombol.

Bagi disiplin kekuda berpelana, Tan Fu Jie dan Jeremiah Loo Phay Xing masing-masing meraih 13.650 mata meninggalkan Thailand dengan 13.250 mata.

Manakala Tan Ing Yueh menghadihkan emas dalam acara melombol dengan pungutan 13.400 mata.

Phay Xing yang ditemui berkata, dia terkejut dan tidak menyangka bakal menghadihkan pingat buat negara yang dilihat



**FAKTA**  
**13.650**

mata diperoleh Tan Fu Jie dan Jeremiah Loo Phay Xing bagi disiplin kekuda berpelana.

**GIMNAS** negara (dari kiri) Tan Fu Jie, Tang Ing Yueh, Jeremiah Loo Phay Xing, Tracie Ang dan Zul Bahrin Mat Asri meraikan kejayaan selepas memenangi pingat masing-masing dalam acara gimnastik artistik di MITEC, Kuala Lumpur, semalam.

sebagai pengalaman berharga dalam Sukan SEA ini.

"Sudah lama kami impikan pingat ini lebih daripada 10 tahun dan tidak sangka

semuanya dicapai hari ini. Malaysia, ini hadiah untuk anda, saya telah berusaha lama untuk mendapatkan pingat ini," katanya.

Tambahnya, walaupun sering menjalankan latihan bersama-sama Fu Jie, dia tidak menyangka mereka bersama-sama menghadihkan pingat buat negara.